

R
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACS-2194
INVC. nms. 9/2/02

PENGARUH FALSAFAH PRAGMATISME KE ATAS
PEMIKIRAN PELAJAR MELAYU ISLAM : SUATU
KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
VICTORIA, KUALA LUMPUR

NORAINI BINTI ISMAIL

Perpustakaan Universiti Malaya



A510573883

JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
SESI 2000/2001

**PENGARUH FALSAFAH PRAGMATISME KEATAS
PEMIKIRAN PELAJAR MELAYU ISLAM :
SUATU KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN VICTORIA , KUALA LUMPUR**

**OLEH :
NORAINI BINTI ISMAIL**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
BAHAGIAN II IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)
SESI 2000/2001**



A decorative border with intricate floral and leaf patterns in black and white, framing the central text.

MOTTO

الحق من ربك فلا تكن
من الممترين

Maksud ayat :
Kebenaran itu datangnya
dari Tuhanmu, oleh itu
janganlah kamu termasuk
dalam golongan orang yang
ragu-ragu.

Ali-Imran : 60

DEDIKASI

Ya Allah,

*Syukurku tidak terhingga .
Diatas limpah rahmat dan kasih sayang Mu
Kuhadapkan usahaku sebagai ibadah disisi Mu
Walaupun sedikit cuma .*

*Ayahanda dan Bunda terkasih .
Terima kasih kerana melahir dan mendidikku .
Segalanya tidak mungkin kubalas
Hanya satu , kuingin menjadi qurrata 'a' yun seperti doa kalian .*

*Suami tercinta .
Hadirmu bersama semangat dan kekuatan .
Bersama kebahagiaan dan harapan .
Syukurku kerana ditakdirkan menjadi surimu .*

*Anak - anakku tersayang .
Kir Muhammad Al Amin, dan Aisyatul Humaira'
serta adik-adikmu yang bakal lahir .
Parisilah semangat juang ulama' silam .
Kerana disitu adanya kemanisan iman dan Islam .*

*Lara Pendidik ,
Jasa kalian tidak terbanding segunung intan
Memberi 'nu' penguluh jalan .
Akan kutipkan sebagai amal jariyah buat kalian .*

*Sahabat seperjuangan ,
Ku mengharap hulfuran tangan kalian .
Kiranya laluanmu penuh keadilan .
Terima kasih atas segalanya .*

ABSTRAK

NORAINI BINTI ISMAIL, Pengaruh Falsafah Pragmatisme ke Atas Pemikiran Pelajar Melayu Islam: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Kuala Lumpur.

Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Sesi 2000/2001.

Falsafah adalah merupakan suatu bidang pemikiran yang bukan sahaja dibahaskan di dalam dunia Islam tetapi juga di barat. Pelbagai aliran pemikiran falsafah telah muncul di barat sejak berabad lamanya. Di antara aliran yang berpengaruh pada abad ke-20 ini ialah aliran falsafah pragmatisme yang menjadi topik perbincangan penulis. Aliran ini bersedia menerima segala sesuatu asal sahaja membawa manfaat yang praktis. Dari aspek ketuhanan sememangnya Islam menolak idea aliran ini yang ternyata menolak kekuasaan mutlak Allah s.w.t sebagai penentu kebenaran. Aliran ini tidak berpegang kepada kebenaran mutlak termasuklah dalam masalah agama di mana mereka melihat kebenaran berdasarkan akibat dan natijah yang terhasil secara praktis. Sesuatu perkara dikatakan benar sekiranya membawa natijah yang bermanfaat dan praktis berdasarkan teori akal.

Secara dasarnya Islam tidak menolak pragmatik secara total. Ini terbukti apabila Islam menggalakkan berijtihad. Ia bertujuan supaya umat Islam bersifat

pragmatik dalam urusan dunia. Islam tidak membekukan pemikiran umatnya dalam mencari jawapan dan penyelesaian khususnya yang tidak terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Sekiranya sesuatu perkara telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dan RasulNya melalui al-Quran dan al-Sunnah, maka ia tetap menjadi satu ketetapan yang wajib ditaati tanpa boleh dipersoalkan terutama berdasarkan logik akal. Inilah yang membezakan di antara pragmatisme yang dibawa oleh barat dan juga pragmatik yang dibenarkan dalam Islam.

Justeru itu pemikiran umat Islam perlulah dipelihara agar dapat membuat perbezaan yang baik antara keduanya. Tambahan pula ia melibatkan pegangan dan akidah umat Islam yang meletakkan Allah dan Rasul sebagai penentu kebenaran yang mutlak. Berdasarkan pepatah melayu “melentur buluh biarlah dari rebungnya” maka penulis telah membuat kajian terhadap golongan remaja untuk melihat sejauh mana idea-idea falsafah pragmatisme mempengaruhi mereka. Dari kajian ini penulis akan dapat melihat sama ada idea-idea ini diterima secara langsung daripada aliran ini atau sememangnya idea-idea tersebut telah tercetus dengan sendiri berdasarkan logik akal semata-mata. Remaja sememangnya golongan yang melalui tahap perkembangan pemikiran yang drastik dan perlu dibendung dengan sebaik mungkin supaya masyarakat yang bakal lahir adalah masyarakat yang mempunyai pemikiran murni berlandaskan akidah yang benar.

Masalah-masalah yang dikaji di dalam disertasi ini ialah latar belakang falsafah pragmatisme termasuklah pengertian, pengasas, hubungan dengan aliran falsafah barat yang lain dan juga bentuk pemikiran yang diketengahkan oleh falsafah ini. Selain itu kajian difokuskan juga kepada pengaruh falsafah pragmatisme ke atas

pemikiran umat Islam khususnya golongan remaja dan adakah pengaruh ini diterima secara langsung atau tidak langsung?. Dari sudut akidah, penulis akan cuba mengkaji apakah kesan pengaruh falsafah pragmatisme terhadap akidah umat Islam dan perspektif Islam terhadap falsafah tersebut? serta bagaimana umat Islam dapat mengembalikan semula kemurnian pemikiran Islam tanpa disaluti dengan fahaman barat?.

Bagi memudahkan penyelidikan ini dijalankan penulis menggunakan beberapa metod penyelidikan iaitu metod penentuan subjek, metod pengumpulan data dan metod analisis data. Dari sudut bentuk penyelidikan penulis menggunakan penyelidikan lapangan dan penyelidikan perpustakaan.


Penulis juga telah membahagikan laporan penyelidikan ini kepada lima bab iaitu pendahuluan, landasan teori, kupasan lanjut berkaitan falsafah pragmatisme, laporan penyelidikan dan analisis data dan akhirnya kesimpulan serta saranan.

Daripada kajian dan penyelidikan yang dijalankan maka dapatlah penulis membuat beberapa rumusan dan kesimpulan di antaranya falsafah adalah satu bidang yang rumit untuk diperbahaskan tetapi mempunyai pengaruh yang besar di dalam mengatur kehidupan manusia. Idea-idea dari aliran-aliran falsafah yang wujud di alam barat dan Islam ini ternyata boleh mempengaruhi pemikiran manusia sehingga menjadi satu prinsip dan pegangan yang tidak mungkin digugat. Sifat manusia sendiri sebagai makhluk pencari kebenaran akan mencetuskan idea yang tersendiri berkaitan dengan kehidupan tetapi hanya cetusan idea yang mendapat bimbingan wahyu sahaja boleh diterima di dalam Islam. Pemikiran falsafah pragmatisme yang

menjadi topik kajian penulis ternyata tidak banyak mempengaruhi pemikiran remaja secara langsung kerana golongan ini kurang pendedahan dan tidak berminat dengan informasi dan bahan bacaan yang berat tetapi cetusan idea yang lahir dari jiwa mereka adakalanya bersamaan dengan idea dari falsafah tersebut. Oleh yang demikian idea-idea yang lahir dari pemikiran remaja perlu dibendung agar tidak terkeluar dari landasan syariat dan ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuklah keluarga terutama ibu bapa, institusi pendidikan, institusi agama, kerajaan dan masyarakat secara umumnya.

Penulis amat mengharapkan semoga penyelidikan ini dapat memberikan cetusan idea yang baru kepada semua golongan masyarakat terutama golongan pendidik dalam menangani isu permasalahan akhlak remaja yang semakin meruncing. Asasnya yang utama sepertimana yang telah diketengahkan oleh penulis ialah memelihara kemurniaan pemikiran remaja sedari awal agar dewasanya mereka sesuci syariat yang dibawa tanpa dikotori tempilan idea yang boleh menggoncang akidah.

PENGHARGAAN



Alhamdulillah segala puji hanya buat Allah s.w.t yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Salawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, penghulu segala Nabi serta salam buat ahli keluarga baginda, para sahabat dan umat Islam seluruhnya.

Alhamdulillah dengan izin dan kasih sayang Nya penulis dapat menyiapkan disertasi yang telah menagih seribu satu pengorbanan ini. Segalanya ditempuhi untuk sampai kenoktah yang terakhir berdasarkan keinginan dan harapan bagi mencari penawar kepada penyakit umat yang semakin tandus kecintaan dan keyakinan mereka kepada agama.

Penulis amat mengharapakan hasil daripada disertasi ini mendapat perhatian daripada semua pihak bagi mengembalikan kekuatan umat Islam. Kata pepatah Inggeris ada menyebut "*Prevention is Better Than Cure*" yang bermaksud mencegah lebih baik dari mengubati. Oleh yang demikian langkah membendung pemikiran remaja dari dicemari adalah lebih baik daripada memurnikan kembali pemikiran tersebut daripada unsur-unsur yang menyalahi syariat.

Di kesempatan ini penulis ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada semua pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar terutamanya Ustazah Fatimah Binti Ali selaku penyelia yang amat prihatin dengan segala permasalahan penulis. Tidak lupa juga buat pihak pentadbiran dan kakitangan Sekolah Menengah Kebangsaan

Victoria, Kuala Lumpur terutama Tuan Haji Baharom Bin Kamari selaku pengetua yang sentiasa memberikan kemudahan kepada penulis dalam menjalankan kajian, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria seterusnya pihak pengurusan asrama.

Jutaan terima kasih juga buat Kak Dah, Along, Angah dan Achik di atas kesudian menjadi pengasuh buah hati tersayang Nur Muhammad Al-Amin disepanjang penulis menyiapkan disertasi. Begitu juga dengan Farah, Kak Kamariah dan Kak Biah yang sentiasa memberi layanan yang baik kepada penulis. Segalanya amat penulis hargai dan semoga Allah memberi ganjaran yang setimpal.

Segugus penghargaan istimewa buat mak dan ayah serta mie dan abah, kakak-kakak (Kak Chaq dan suami, Kak Chik dan suami, Kak dan suami), abang-abang (abang Nasir dan isteri, abang Najib dan isteri) serta semua adik-adik (kakak, Ngah, Kak Teh, abang dan adik) yang telah banyak membantu dan memberi dorongan kepada penulis. Begitu juga kepada suami dan anak-anak tercinta yang sentiasa bersabar dan bersedia berkongsi suka dan duka bersama penulis. Segalanya tidak mungkin dapat dibalas.

Di akhir kata, jutaan terima kasih juga dirakamkan buat semua yang memberi dorongan dan membantu penulis dalam menyiapkan disertasi ini secara langsung atau tidak langsung.

Sekian, Terima Kasih.

Noraini Binti Haji Ismail
Kampung Gerigis,
Jalan Datuk Kumbar,
05300 Alor Setar, Kedah.

2 Jamadil Awal 1422

23 Julai 2001

. KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN TAJUK	
HALAMAN PENGESAHAN	
MOTTO	
DEDIKASI	
ABSTRAK	vi
PENGHARGAAN	x
KANDUNGAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xvii
TRANSLITERASI	xix
SINGKATAN KATA	xx

BAB PERTAMA PENDAHULUAN

1.1 : PENGENALAN	1
1.2 : LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN	1
1.3 : PENGERTIAN TAJUK DAN PERUMUSAN MASALAH	8
1.3.1 : PENGERTIAN TAJUK	8
1.3.1.1: Definisi Pengaruh	8
1.3.1.2: Definisi Falsafah	8
1.3.1.3: Definisi Pragmatisme	9
1.3.1.4: Definisi Pemikiran	10
1.3.1.5: Definisi Pelajar Melayu Islam	10
1.3.1.6: Definisi Kajian	10

1.3.2 : PERUMUSAN MASALAH	11
1.4 : KEPENTINGAN KAJIAN	11
1.5 : TUJUAN PENYELIDIKAN	13
1.6 : SISTEMATIKA PENULISAN	14
1.7 : METODOLOGI PENYELIDIKAN	16
1.7.1 : Metod Penentuan Subjek	16
1.7.2 : Metod Pengumpulan Data	17
i) Metod Temubual	17
ii) Metod Dokumentasi	17
iii) Metod Pemerhatian	18
iv) Metod Soal Selidik	18
v) Metod Historis	18
1.7.3 : Metod Analisis Data	19
i) Metod Induktif	19
ii) Metod Deduktif	19
iii) Metod Komparatif	20
1.7.4 : Sumber Data	20
i) Penyelidikan Perpustakaan	20
ii) Penyelidikan Lapangan	21

BAB KEDUA
FALSAFAH PRAGMATISME : SATU KAJIAN
DARI SUDUT HUBUNGANNYA
DENGAN FALSAFAH BARAT
DAN FALSAFAH ILMU

2.1 : PENGENALAN 26

BAHAGIAN PERTAMA

2.2 : PENGENALAN KEPADA FALSAFAH 27

2.3 : DEFINISI FALSAFAH 29

2.4 : CABANG-CABANG ILMU FALSAFAH 31

2.5 : ALIRAN ILMU FALSAFAH MENURUT BARAT 36

2.5.1 : Aliran Metafizik 36

2.5.2 : Aliran Etika 38

2.5.3 : Aliran Teori Pengetahuan 39

2.5.4 : Aliran-aliran lain dalam falsafah 40

2.5.4.1 : Existensialisme 40

2.5.4.2 : Pragmatisme 40

2.5.4.3 : Positivisme 41

BAHAGIAN KEDUA

2.6 : PENGENALAN KEPADA FALSAFAH ILMU 42

2.6.1 : Epistemologi Ilmu 43

2.6.2 : Ontologi Ilmu 44

2.6.3 : Aksiologi Ilmu 45

2.7 : PRAGMATISME DAN HUBUNGANNYA DENGAN EPISTEMOLOGI, ONTOLOGI DAN AKSIOLOGI ILMU.	46
2.8 : TEORI-TEORI KEBENARAN	47
2.8.1: Teori Kebenaran Menurut Barat	47
2.8.1.1 : Teori Korespondensi	47
2.8.1.2 : Teori Koherensi atau Teori Konsistensi	48
2.8.1.3 : Teori Pragmatis	49
2.9 : PENUTUP	50

BAB KETIGA
FALSAFAH PRAGMATISME DAN ISLAM :
SUATU ANALISIS

3.1 : PENGENALAN	57
------------------	----

BAHAGIAN PERTAMA

3.2 : PENGERTIAN FALSAFAH PRAGMATISME	58
3.3 : TOKOH-TOKOH FALSAFAH PRAGMATISME	62
3.3.1 : William James	63
3.3.2 : John Dewey	64
3.4: SEJARAH PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGAN FALSAFAH PRAGMATISME	65
3.5 : KRITIKAN BARAT TERHADAP FALSAFAH PRAGMATISME	68

BAHAGIAN KEDUA

3.6 : PANDANGAN ISLAM TERHADAP FALSAFAH	69
3.6.1 : Pengertian Falsafah Menurut Islam	72
3.6.2 : Peranan Falsafah dalam Islam	73
3.6.3 : Hubungan Ilmu dan Falsafah	75
3.7 : TEORI KEBENARAN DALAM ISLAM	80
3.8 : FALSAFAH PRAGMATISME DARI PERSPEKTIF ISLAM	83
3.8.1 : Pandangan Islam terhadap Pragmatisme	83
3.8.1.1 : Dari sudut Syariat Islam	83
3.8.1.2 : Dari sudut Akidah Islam	87
3.8.2 : Pandangan Islam terhadap Pragmatik	90
3.9 : PENGARUH FALSAFAH PRAGMATISME KEATAS PEMIKIRAN DAN AKIDAH UMAT ISLAM .	93
3.10 : PENUTUP	96

BAB KEEMPAT

PENGARUH FALSAFAH PRAGMATISME KE ATAS PEMIKIRAN PELAJAR MELAYU ISLAM SEK.MEN.KEB VICTORIA (LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISIS DATA)

4.1 : PENGENALAN	108
------------------	-----

4.2 : SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN VICTORIA	108
4.2.1 : Sejarah Penubuhan Sekolah	111
4.2.2 : Kedudukan Geografi Sekolah	112
4.2.3 : Falsafah Pendidikan Sekolah	112
4.2.4 : Ikrar Pelajar	112
4.2.5 : Lencana Sekolah	113
4.2.6 : Lagu Sekolah	114
4.2.7 : Sistem Pengajian	115
4.2.8 : Kegiatan Ko-kurikulum	118
4.2.9 : Statistik Pelajar Mengikut Jantina , Agama dan Bangsa	121
4.2.10 : Senario Pelajar Melayu Islam Sek.Men.Keb.Victoria	121
4.3: PENGARUH FALSAFAH PRAGMATISME KE ATAS PEMIKIRAN PELAJAR MELAYU ISLAM SEK.MEN KEB.VICTORIA.	123
4.3.1: Kefahaman dan penghayatan Islam	124
4.3.2: Kefahaman terhadap landasan teori	135
4.3.3: Idea-idea dan bentuk pemikiran	138
4.3.4: Pandangan secara umum	140

BAB KELIMA

PENUTUP

5.1 : Kesimpulan	145
5.2 : Saranan	152
5.3 : Penutup	159

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A : Kedudukan Geografi Sekolah
- LAMPIRAN B : Infrastruktur sekolah
- LAMPIRAN C : Lencana sekolah
- LAMPIRAN D : Statistik pelajar mengikut jantina, agama dan bangsa
- LAMPIRAN E : Borang soal selidik
- LAMPIRAN F : Gambar-gambar di sekitar tempat kajian : Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria
- LAMPIRAN G : Gambar-gambar tokoh falsafah pragmatisme
- LAMPIRAN H : Surat akuan daripada Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
- LAMPIRAN I : Surat kebenaran menjalankan penyelidikan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia
- LAMPIRAN J : Surat kebenaran menjalankan penyelidikan daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan.
- LAMPIRAN K : Kronologi dan gambar-gambar William James (dari internet)
- LAMPIRAN L : Pengenalan kepada John Dewey(dari internet)
- LAMPIRAN M : Carta falsafah moden selepas Kant

JADUAL TRANSLITERASI

1) KONSONAN

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ء	'	ر	r	ف	f
ا	a	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sy	ل	l
ث	th	ص	s	م	m
ج	j	ض	d	ن	n
ح	h	ط	t	و	w
خ	kh	ظ	zh	ه	h
د	d	ع	'	ى	y
ذ	dz	غ	gh	ة	t

2) VOKAL

Panjang

ا ——— a

ى ——— i

و ——— u

Pendek

ا ——— a

ى ——— i

و ——— u

Diftong

اى ——— ay

او ——— aw

Sumber :

Pedoman Transliterasi Huruf Arab, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988
 Bagi pihak Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penggunaan transliterasi ini hanya khusus kepada perkataan Arab sahaja tetapi tidak digunakan untuk perkataan Arab yang telah dimelayukan seperti akidah, ibadah dan lain-lain.

SINGKATAN KATA

SINGKATAN	MAKSUD SINGKATAN
%	Peratus
\$	Ringgit
&	Dan
BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
Bil.	Bilangan
Cet.	Cetakan
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Dr	Doktor Falsafah
Drs	Doktorandus
Hj	Haji
Ibid	Ibidem (pada tempat, kitab, fasal atau halaman yang sama)
Jil	Jilid
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
m.s	Muka surat
Op-cit	<i>In the word cited</i> (rujukan sama tetapi diselangi dengan rujukan lain sebelumnya)
PAFA	Penilaian Asas Fardhu Ain
Ph.D	<i>Doctor of Philosophy</i>
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPIVI	Persatuan Pelajar-pelajar Islam Victoria Institution
Prof.	Profesor
s.a.w	<i>Sal Allah 'alaih wa sallam</i>
s.w.t	<i>Subhānah wa ta'āla</i>
Sdn Bhd	Sendirian Berhad
Sek. Men. Keb.	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
t.p	Tanpa penerbit
t.t.c	Tanpa tempat cetakan
t.t	Tanpa tarikh
Terj.	Terjemahan
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
VI	<i>Victoria Institution</i>
Vol.	<i>Volume</i>